



**PROSEDUR KEWANGAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA 2010**

**BAB 13  
PROSEDUR PENGURUSAN DEPOSIT TETAP**

**(Diluluskan Pada Mesyuarat Lembaga Ke-109 pada 25 Julai 2017)**

## PROSEDUR KEWANGAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA 2010

### BAB 13 PROSEDUR PENGURUSAN DEPOSIT TETAP (Diluluskan pada Mesyuarat Lembaga Ke-109 pada 25 Julai 2017)

Tujuan deposit tetap	13.1 Deposit tetap bertujuan menjana hasil daripada lebih tunai yang berada di dalam akaun semasa bank.
Institusi kewangan yang dibenarkan	13.2 Simpanan deposit tetap hanya boleh dibuat di institusi kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Semua deposit tetap boleh menggunakan kaedah secara islam atau konvensional atau kedua-duanya sekali.
Had maksima di setiap institusi kewangan	13.3 Had maksima deposit tetap bagi setiap institusi kewangan adalah 30% daripada jumlah keseluruhan deposit tetap LGM pada setiap masa. Had ini merupakan nilai deposit asal (prinsipal) dan tidak termasuk faedah / keuntungan yang diterima.
Pemulangan deposit tetap yang matang	13.4 Semua deposit tetap yang matang perlu dipulangkan semula kepada akaun semasa bank asal di mana ianya dikeluarkan.
Simpanan semula ( <i>rolled over</i> ) deposit tetap sedia ada	13.5 Jika tiada keperluan untuk menggunakan tunai daripada deposit tetap yang matang, tunai berkenaan boleh disimpan semula sebagai deposit tetap di insititusi kewangan yang sama di mana deposit tetap asal dibuat. 13.6 Ketua Pegawai Kewangan diberi kuasa untuk membuat simpanan semula di institusi kewangan yang sama. 13.7 Bagi deposit yang telah matang dan hendak di simpan ke institusi kewangan yang lain, kuasa melulusnya sama seperti membuat deposit tetap yang baru.
Kuasa melulus	13.8 Kuasa melulus deposit tetap yang baru adalah berdasarkan jumlah yang hendak disimpan bagi setiap institusi kewangan.

	Had simpanan bagi setiap institusi kewangan	Kuasa Melulus
	Sehingga RM10 juta	Ketua Pegawai Kewangan
	Melebihi RM10 juta sehingga RM50 juta	Pengarah yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan
	Melebihi RM50 juta	<p>Timbalan Ketua Pengarah yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan.</p> <p>Ketiadaan Timbalan Ketua Pengarah, Ketua Pengarah akan dirujuk untuk kelulusan.</p>
	<p>13.9 Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan boleh meluluskan sebarang nilai di bawah RM50 juta di dalam ketiadaan pegawai yang meluluskan kategori-kategori berkenaan.</p>	
Tempoh masa simpanan	<p>13.10 Semua deposit tetap perlu mempunyai tempoh matang antara semalaman sehingga 12 bulan bagi setiap simpanan.</p>	
Pengeluaran deposit tetap belum matang	<p>13.11 Ketua Pegawai Kewangan atau Pengarah Bahagian yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan diberi kuasa untuk membuat pengeluaran deposit tetap pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai bagi memastikan kecairan tunai mencukupi bagi membuat pembayaran semasa. Pengeluaran boleh dibuat berdasarkan nilai sijil deposit tetap ataupun sebahagian sahaja berdasarkan keperluan.</p>	